

Isnin, 12 Januari 2009:

Timur: LKPP Pahang bakal pengeluar kelapa mataq

KUANTAN: Lembaga Kemajuan Perusahaan Pertanian Pahang (LKPP) bakal menjadi pengeluar terbesar kelapa mataq di pantai timur terutama dengan pembukaan ladang seluas 500 hektar tahun ini.

LKPP kini mempunyai ladang kelapa mataq seluas 52.26 hektar dengan 3,676 pokok di Ladang Penor Idaman, yang dibahagikan kepada dua fasa.

Pengurus Ladang Penor Idaman, Jumat Sapuan berkata fasa pertama ladang kelapa mataq ialah seluas 32.48 hektar mengandungi 5,503 pokok yang ditanam pada 2003 manakala fasa kedua seluas 19.78 hektar dengan 3,676 pokok dimulakan pada 2007.

Katanya, tanaman fasa pertama sudah mengeluarkan hasil sebanyak 42,900 biji pada 2007, tahun lalu sebanyak 124,354 biji dan hasil dijangka terus bertambah apabila pokok matang.

"Pokok kelapa mataq dihasilkan melalui kacukan antara kelapa mawar tempatan dan kelapa duaf berasal dari Filipina. Kelebihan kelapa ini, ia mempunyai buah yang banyak, tahan penyakit, isi tebal dan kulit nipis.

"Setiap pokok kelapa mataq yang matang mampu menghasilkan antara 140 hingga 180 buah setahun atau 24,000 hingga 30,000 biji buah sehektar," katanya sambil menambah pokok kelapa mataq sesuai di tanam di kawasan tanah paya gambut.

Jumat berkata, pihak ladang Penor Idaman kini tidak mampu memenuhi permintaan yang semakin meningkat terutama daripada peniaga santan dan pengusaha hotel.

Katanya, air kelapa muda yang manis selain kulit nipis menyebabkan kelapa mataq mendapat permintaan menggalakkan daripada pengusaha hotel untuk dihidangkan kepada pelancong.

"Tahun lalu, lebih 50,000 biji kelapa muda dijual. Jumlah berkenaan dijangka bertambah tahun ini terutama selepas aktiviti promosi dilakukan oleh kerajaan.

"Kelapa muda dijual pada harga ladang antara RM1 hingga RM1.20 sebiji, manakala kelapa tua dijual 60 sen sebiji," katanya.

Selain kelapa mataq dan kelapa sawit, Ladang Penor Idaman yang terletak di Kilometer 19 Jalan Kuantan-Pekan turut mempunyai tanaman limau M33 seluas 10 hektar dan longan (25.93 hektar).